

SULIT

NAMA PELAJAR :

TINGKATAN :



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEJARAH SPM 2022 SMK DAMAI JAYA

SEJARAH

1249/2

Kertas 2

Nov.

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama penuh** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.
6. Kertas jawapan **Bahagian B** perlu diikat Bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan

- 1 Nasionalisme adalah satu doktrin yang muncul di Eropah pada awal abad ke -19.

Sumber : Elie Kedourie, Nationalism, Praeger Universiti Series, 1962

- (a) Jelaskan maksud nasionalisme.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan peristiwa tercetusnya Revolusi Keagungan dan Revolusi Amerika di Barat.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) “Nasionalisme Teras Perpaduan” merupakan salah satu tema sempena Hari Kebangsaan di negara kita.

Bagaimanakah semangat nasionalisme mampu dipupuk dalam diri setiap rakyat bagi mengekalkan perpaduan kaum?

.....

.....


.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 Rajah berikut berkaitan dengan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.



- (a) Nyatakan pilihan raya berikut:

X:.....

Y:.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Rajah berikut menunjukkan rakyat Malaysia berumur 18 tahun layak untuk mengundi dalam pilihan raya.



Sumber: <https://www.penerangan.gov.my/>

Pada pandangan anda, wajarkah rakyat berumur 18 tahun diberi hak untuk mengundi dalam pilihan raya malah bertanding menjadi pemimpin negara?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Perlembagaan Malaysia juga dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Malaysia telah digubal berdasarkan nasihat daripada Suruhanjaya Reid yang telah melakukan kajian dalam tahun 1956. Perlembagaan berkenaan berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Sumber: Malaysia 2017 (Jabatan Penerangan Malaysia)

- (a) Nyatakan maksud perlembagaan.

.....
.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan ciri tradisional yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan di negara kita.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Sejak merdeka, Perlembagaan Malaysia telah membawa impak kepada negara sama ada dalam aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Apakah yang akan berlaku sekiranya negara kita tiada perlembagaan?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 4 Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga.

(a) Nyatakan sebab berlakunya rusuhan kaum tersebut.

.....
.....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan mengatasi sebab di 4 (a)?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Peristiwa rusuhan antara kaum ini memberi iktibar kepada masyarakat pelbagai kaum di Malaysia pada hari ini. Beri ulasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian B

(60 markah)

*Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini*

- 5** Kedatangan Jepun ke negara kita bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941 di Kota Bharu, Kelantan.

- (a) Jelaskan faktor kedatangan Jepun di negara kita. [4 markah]
- (b) Huraikan dasar pendudukan Jepun di negara kita. [8 markah]
- (c) Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, anda perlu memainkan peranan untuk mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman musuh. Berikan cadangan anda. [8 markah]

- 6** Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu (PTM) telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian PTM 1948.

- (a) Jelaskan faktor yang mendorong penubuhan tersebut. [6 markah]
- (b) Huraikan ciri-ciri PTM 1948. [6 markah]

Petikan berkaitan tentang PTM 1948.

...Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan. Pada peringkat awal, ia adalah persekutuan Sembilan Kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan.

Sumber: <http://bharian.com.my/>

- (c) Bincangkan manfaat yang diperoleh daripada kejayaan pembentukan Persekutuan tersebut. [8 markah]

7 Pentadbiran kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

(a) Terangkan bidang kuasa berikut:

(i) Kuasa Kerajaan Persekutuan. [4 markah]

(ii) Kuasa Kerajaan Negeri. [4 markah]

(iii) Peranan Kerajaan Tempatan. [4 markah]

(b) Rajah berikut merupakan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan sosioekonomi negara.

BELANJAWAN

2021

KORIDOR WILAYAH PEMBANGUNAN EKONOMI
RM780 juta melibatkan lima koridor wilayah pembangunan ekonomi

- Bas Rapid Transit IRDA Johor
- Jambatan Palekbang ECER
- Zon Pembangunan Khas NCER
- Kawasan Perindustrian Samalaju
- Pelabuhan Kontena Sapangar Bay

• Melanjutkan galakan cukai sedia ada sehingga 2022 bagi koridor pembangunan: **Wilayah Ekonomi Pantai Timur, ISKANDAR MALAYSIA** & Koridor Pembangunan Sabah.

Sumber:
PEMBENTANGAN BELANJAWAN 2021

Twitter & Instagram : **Makmur Johor 01** | Facebook : **Makmur Johor**

Sumber: <http://jabatanpenerangannegeri/>

Berdasarkan rajah di atas, mengapakah kerjasama kedua-dua kerajaan ini penting dalam memastikan kesejahteraan sosial dapat dicapai? [8 markah]

- 8 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan kesinambungan dari Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada 17 Julai 1991.

(a) Jelaskan berkaitan DPN berikut:

(i) Matlamat [2 markah]

(ii) Objektif [2 markah]

(b) Terangkan strategi yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat di (a) i. [8 markah]


(c) Pada masa kini, ekonomi dunia berdepan dengan cabaran yang sangat hebat. Sebagai pemimpin, bagaimanakah anda membawa Malaysia mengharungi cabaran tersebut? [8 markah]

- 9 Penggubalan dasar luar Malaysia dilaksanakan berpandukan perkembangan ekonomi, sosial dan politik pada peringkat domestik dan antarabangsa.

(a) Jelaskan faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar negara kita. [4 markah]

(b) Terangkan sumbangan Malaysia dalam membawa keamanan dan kesejahteraan serantau melalui Komenwel. [8 markah]

(c) Rajah di bawah merupakan kejayaan besar bagi Malaysia kerana menjadi penganjur dalam sukan yang berprestij bertaraf dunia ini.



Malaysia menerima pelbagai impak yang baik dalam penganjuran tersebut.

Berikan hujah anda. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

.....
(SHAIHA BINTI SULAIMAN)
Guru Sejarah
SMK Damai Jaya

.....
(ZARINA BINTI ABDULLAH)
GKMP Bidang Kemanusiaan
SMK Damai Jaya

.....
(MAK SEW YIN)
Pengetua
SMK Damai Jaya

